

PENYELESAIAN CETI HARAM: PENGURUSAN KEWANGAN SECARA SISTEMATIK¹

**Oleh
En. Samsudin bin Jidin
Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran
Bank Negara Malaysia (BNM)**

Pengurusan Belanjawan Keluarga

Setiap tahun Menteri Kewangan akan membentangkan bajet tahunan negara. Pada ketika itulah kita ternanti-nanti berita mengenai penurunan cukai atau pengurangan kos dalam pelbagai sektor.

Namun, bagaimana pula dengan pengurusan kewangan keluarga dan diri kita? Apakah kita juga mempunyai belanjawan tahunan seumpama itu? Siapa pula yang perlu bertanggungjawab dalam belanjawan atau pengurusan kewangan keluarga. Suami, isteri, ibu atau ayah? Jika belanjawan individu tentu mudah jawabnya, kerana tentulah tanggungjawab itu dipikul oleh individu itu sendiri.

Dewasa ini, ramai yang sengsara angkara meminjam wang daripada saluran tidak berlesen, seperti 'Ah Long'. Tidak kurang pula mereka yang mendapat surat amaran dan saman daripada institusi kewangan kerana gagal membayar balik pinjaman. Malah, ada sesetengah yang hutangnya (sama ada pinjaman pendidikan, perniagaan atau persendirian) menjadi 'warisan' yang terpaksa ditanggung oleh anak dan ahli waris. Tidak kurang pula ramai yang mengalami kegawatan kewangan setiap kali musim perayaan dan sesi persekolahan bermula. Semuanya gara-gara tidak bijak menguruskan kewangan atau tidak ada belanjawan dalam kehidupan harian diri dan keluarga.

¹ Dibentangkan dalam Seminar Menangani Ceti Haram, anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan(MAIWP) dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), pada 18 Disember 2008/20Zulhijjah 1429H, bertempat di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Presint 10, Putrajaya.

Apakah Belanjawan?

Pada amnya, belanjawan merupakan satu ringkasan jangkaan pendapatan yang akan diperoleh dan senarai perbelanjaan yang ingin dibuat. Tujuannya adalah untuk mendapatkan keseimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan.

Membentuk belanjawan keluarga mungkin berbeza antara satu keluarga dengan keluarga yang lain berdasarkan keperluan masing-masing. Ada keluarga merasakan membuat simpanan dengan mengasing sedikit wang daripada pendapatan keluarga untuk membeli kereta baru lebih penting daripada yang tujuan lain. Ada pula keluarga lain sudah berpuas hati untuk terus menggunakan kereta lama dan simpanan yang dibuat akan digunakan untuk bercuti ke luar negara.

Apabila anda membentuk belanjawan keluarga, sebenarnya anda sedang mewujudkan satu pelan perbelanjaan dan simpanan untuk keluarga anda.

Faktor penting yang menentukan kejayaan seseorang individu atau sesebuah keluarga dari segi kewangan ialah kemampuan mereka mewujudkan satu pelan belanjawan dan kemudiannya berusaha untuk hidup di bawah belanjawan itu.

Mengapa Anda Perlu Satu Pelan Belanjawan?

Tidak kira sama ada anda mempunyai banyak wang atau sedikit, sesuatu belanjawan boleh membantu anda dalam pelbagai bentuk:

- Jika anda membuat belanjawan dan akur dengan belanjawan itu, anda kurang terdedah kepada kemelut kewangan dalam perbelanjaan harian anda dan keluarga anda;
- Sesuatu belanjawan yang baik dapat membantu anda mencapai matlamat kewangan diri anda dan keluarga kerana melalui belanjawan itu anda boleh mengawal berapa banyak keluarga berbelanja dan berapa banyak pula anda menyimpan;

- Belanjawan dapat menghindar banyak kejutan kewangan kerana anda telah merancang lebih awal dan tahu apa yang akan berlaku pada setiap bulan;
- Mengatur belanjawan dengan baik boleh membentuk tabiat positif pada diri anda dan anak-anak; dan
- Belanjawan dapat membantu anda melihat dengan jelas ke mana perginya wang anda.

“Selangkah demi selangkah ke arah amalan belanjawan yang baik”

Langkah Membuat Pelan Belanjawan

Bagi mewujudkan belanjawan keluarga yang baik, lima langkah yang berikut perlu diambil, iaitu:

Langkah 1: Mengira Nilai Bersih Anda - Menilai situasi semasa anda.

Mengetahui kedudukan anda pada hari ini dari segi kewangan merupakan langkah pertama dalam membentuk pelan kewangan anda. Nilai bersih (aset anda ditolak liabiliti anda) merupakan satu cara mengukur kekayaan yang utama dan ukuran yang dapat memberitahu anda dengan segera situasi kewangan semasa anda. Nilai bersih akan membantu anda menentukan sumber yang boleh gunakan untuk mencapai matlamat kewangan anda. Cara yang paling mudah untuk meningkatkan nilai bersih anda ialah menerusi peningkatan aset (dengan cara membuat penambahan pelaburan daripada aset semasa) atau dengan mengurangkan hutang. Cara lain untuk menilai situasi kewangan semasa anda ialah menerusi pendapatan bersih anda (pendapatan kasar anda ditolak perbelanjaan anda).

Mendapatkan gambaran tepat tentang nilai bersih secara relatifnya adalah mudah. Anda boleh memulakan pengiraan dengan mengira berapa jumlah simpanan anda dalam akaun simpanan dan akaun semasa, bon simpanan (nilai semasa), dan simpanan tetap dan pasaran wang. Juga perlu diambil kira nilai pasaran semasa saham, rumah anda, pelaburan harta tanah, akaun pelan

persaraan dan kepentingan perniagaan. Turut dimasukkan dalam pengiraan ialah nilai serahan anuiti dan nilai serahan insurans hayat anda. Terkandung dalam nilai bersih anda juga barangan peribadi yang bernilai seperti barangan kemas, kenderaan, pakaian, perabot, barangan koleksi, komputer dan sebagainya – iaitu apa-apa yang anda boleh tunaikan dalam bentuk wang.

Dari segi liabiliti pula termasuk gadai janji rumah anda, pinjaman kereta, pinjaman pendidikan, hutang kad kredit, cukai yang belum dibayar, premium insurans dan bil yang tertanggung. Tolakkan liabiliti anda daripada aset anda, itulah yang dinamakan nilai bersih.

Buat pengiraan ini setiap tahun. Nilai yang anda dapati ini akan menjadi tanda aras tentang kedudukan kewangan anda. Adakah nilai bersih anda positif atau negatif atau yang lebih penting daripada itu adakah ia bertambah baik atau bertambah buruk.

Walau bagaimana, perlu diingat, mempunyai nilai bersih yang tinggi tidak semestinya menjamin anda tidak akan menghadapi masalah kewangan. Anda mungkin mempunyai nilai bersih yang tinggi, tetapi masih terdedah dengan kesusahan. Bagaimana? Ini disebabkan kebanyakan aset yang anda miliki tidak cair . Apabila aset tidak cair (sukar ditukar kepada tunai), anda akan terdedah kepada kesusahan apabila anda memerlukan wang tunai dengan segera.

Langkah 2: Menentukan Matlamat Kewangan Anda

Menentukan matlamat kewangan dapat membantu orang ramai mempelajari nilai wang. Matlamat kewangan mencerminkan apa yang anda hendaklah lakukan dengan wang anda dalam satu jangka masa tertentu. Penentuan matlamat akan mendorong anda berbelanja dan menyimpan wang mengikut kaedah yang akan membolehkan matlamat anda tercapai.

Setiap keluarga menentukan matlamat dan merancang hal kewangan mereka berasaskan pada penilaian masing-masing. Walau apa pun jua penilai mereka

sekeluarga, rancangan kewangan mereka adalah suatu ekspresi tentang apa yang paling penting bagi mereka . Umumnya matlamat-matlamat ini meliputi:

- Berkahwin
- Membeli kereta
- Membeli rumah
- Membiayai pelajaran anak-anak
- Percutian
- Persaraan
- Perbelanjaan perubatan

Penentuan matlamat keluarga akan membantu anda mengurus wang anda dengan berhemat. Walau bagaimanapun, matlamat anda boleh berubah dari semasa ke semasa supaya dapat memberi dorongan dan insentif kepada anda agar terus membuat perancangan kewangan.

Matlamat terbahagi pada tiga bahagian, iaitu matlamat jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang anda dan keluarga anda. Matlamat jangka pendek boleh dicapai dalam tempoh satu hingga enam bulan, manakala matlamat jangka pertengahan ialah antara enam bulan hingga setahun. Matlamat jangka panjang pula merupakan impian yang ingin dipenuhi dalam tempoh melebihi satu tahun.

Contoh matlamat

Jangka pendek	Dana kecemasan, membeli perabot dan lain-lain
Jangka pertengahan	Membeli kereta, melancong ke luar negara, dana pendidikan dan lain-lain
Jangka panjang	Membeli rumah, menunaikan fardu haji, persaraan dan lain-lain

Tidak ada syarat tertentu untuk membentuk dan menetapkan matlamat anda dan keluarga anda. Walau bagaimanapun, beberapa panduan bawah ini dapat membantu anda memastikan impian anda menjadi realiti:

Panduan 1: Libatkan seluruh ahli keluarga

Ketika menentukan matlamat kewangan, paling baik kalau dapat melibatkan seluruh ahli keluarga. Cadangan, komitmen dan sokongan mereka amat penting dalam mencapai matlamat anda.

Panduan 2: Buat matlamat yang SMART

Matlamat mestilah khusus, boleh diukur, boleh dicapai, relevan dan ada tempoh tertentu (*specific, measurable, attainable, relevant, time related* – SMART). Salah satu contoh matlamat SMART ialah "Saya mahu menjelaskan hutang kad kredit saya menjelang Januari 2009 dengan bayaran bulanan sebanyak RM150".

Panduan 3: Senaraikan keutamaan matlamat anda

Senaraikan matlamat anda mengikut keutamaan di segi kepentingan atau tempoh masa dan letakkan senarai itu di tempat yang mudah dilihat setiap hari bagi membantu anda sentiasa ingat dan memberi tumpuan terhadap mencapai matlamat tersebut.

Panduan 4: Rancang dan urus kewangan secara berterusan

Tentukan langkah khusus yang perlu diambil dan dilaksanakan. Misalnya, jika anda merancang untuk meningkatkan tabungan bulanan anda sebanyak RM100 atau hendak membawa bekal ke tempat kerja, pastikan anda melakukannya.

Panduan 5: Pantau perkembangan anda

Pantau perkembangan sendiri secara kerap bagi memastikan yang anda berada pada haluan yang betul. Berikan ruang untuk pengubahsuaian atau perubahan (jika perlu) dalam perancangan anda.

Panduan 6: Tabah

Buat takrif semula matlamat kewangan atau perancangan anda sekiranya perancangan asal tidak berlaku sebagaimana yang dikehendaki. Jangan sekali-kali berputus asa.

Langkah 3: Menjejaki Sumber Wang dan Ke Mana Perginya Wang Anda

Setelah menentukan matlamat keluarga anda, anda mungkin ragu-ragu sama ada matlamat itu akan tercapai, lebih-lebih lagi jika anda mendapati bahawa tiada lagi baki yang tinggal apabila tiba cukup bulan. Sekiranya anda membuat perancangan untuk berbelanja dengan baik, matlamat anda akan menjadi mudah tercapai berbanding apa yang anda jangkakan. Walau bagaimanapun, sebelum anda membentuk rancangan perbelanjaan, anda perlu menjejaki dahulu sumber wang dan ke manakah perginya wang anda. Ini bukan bertujuan menyekat perbelanjaan anda tetapi untuk mengenal pasti hala tuju perbelanjaan anda. Dengan langkah ini, anda akan mengetahui:

- Dari mana sumber pendapatan anda dan ke mana anda membelanjakan wang anda;
- Berapa banyak anda berhutang setiap bulan; dan
- Berapa banyak wang yang masih tinggal pada akhir bulan.

Langkah ini boleh dilakukan dengan membuat anggaran tunai. Bagi membuat anggaran tunai bagi pendapatan untuk perbelanjaan dan simpanan, anda perlu merekodkan pendapatan dan perbelanjaan keluarga anda. Satu kaedah mudah untuk menjejaki pergerakan wang keluarga adalah dengan mencatat kesemua pendapatan harian atau bulanan yang diperolehi dan kesemua wang yang dibelanjakan.

- Jejaki pendapatan dan perbelanjaan sebenar keluarga anda menggunakan Jadual Menjejaki Belanjawan Harian. Apa yang anda perlu lakukan ialah menyenaraikan pendapatan dan perbelanjaan harian keluarga anda untuk lebih memahami sumber dan kegunaan wang dengan mengguna Jadual Menjejaki Belanjawan Harian. Sebagai permulaan, dicadangkan anda menjejaki pendapatan dan perbelanjaan untuk tempoh satu bulan. Setelah jadual ini siap, anda perlu mengkategorikan komponen pendapatan dan perbelanjaan itu dan mewujudkan satu belanjawan bulanan (lihat jadual selanjutnya).

- Jejaki pendapatan dan perbelanjaan sebenar keluarga anda menggunakan Jadual Menjejaki Belanjawan Bulanan. Apa yang perlu anda buat ialah mewujudkan Jadual Menjejaki Belanjawan Bulanan. Setelah anda menganggar berapa banyak pendapatan yang anda peroleh dan berapa banyak perbelanjaan yang anda buat anda boleh mula mewujudkan belanjawan dan mengasingkan sejumlah wang tertentu dalam setiap kategori yang disenaraikan (atau wujudkan kategori belanjawan anda sendiri), cuba wujudkan belanjawan bulan menggunakan jadual tersebut.

Jadual ini mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian pendapatan dan bahagian perbelanjaan.

Pendapatan	Upah, pendapatan daripada kadar faedah, sewa, perniagaan, dividen/bonus dan lain-lain.
Perbelanjaan	Sewa atau gadaian, utiliti, barangan dapur, telefon, hiburan, pakaian, pengangkutan dan lain-lain.

Gunakan sama ada jadual dengan kategori yang disenaraikan atau pilih jadual yang mengikut kategori anda sendiri. Anda perlu tahu mengkategorikan setiap sumber pendapatan dan perbelanjaan ke dalam satu-satu kategori. Kemudiannya, anggarkan perbelanjaan untuk bulan tersebut berdasarkan perbelanjaan sebenar keluarga anda. Jika anda menggunakan jadual menjejaki belanjawan di atas, anda akan tahu berapa banyak perbelanjaan untuk sesuatu perkara bagi setiap bulan. Jika sesuatu komponen itu hanya terdapat setahun sekali, maka bahagikan jumlah itu dengan 12 bulan dan masukkan jumlah berkenaan ke dalam jadual menjejaki belanjawan bulanan.

Komponen Perbelanjaan

Dalam perbelanjaan anda, anda perlu memahami dua jenis perbelanjaan, iaitu perbelanjaan tetap dan perbelanjaan berubah. Jumlah perbelanjaan tetap adalah sama pada setiap bulan, seperti sewa, bayaran tuisyen anak-anak dan

lain-lain. Jumlah perbelanjaan berubah pula cenderung untuk berbeza pada setiap bulan seperti perbelanjaan untuk makanan dan pakaian.

Membezakan Antara Keperluan dan Kehendak

Konsep asas dalam belanjawan ialah konsep kehendak dan kemahuan. **Keperluan** ialah sesuatu yang perlu dimiliki untuk hidup. Contoh: air dan makanan. Tanpa air dan makanan, anda mungkin tidak dapat hidup. **Kehendak** pula ialah sesuatu yang ingin anda miliki, tetapi ia tidak penting dan anda tidak merasakan apa-apa tanpa barangan tersebut. Contoh: hiburan, permainan, CD dan lain-lain.

Ada kalanya keperluan dan kemahuan mungkin bertindan. Contoh: kek ialah makanan tetapi ia bukan keperluan, hanya kehendak. Pada umumnya, anda memerlukan makanan asas untuk hidup, tetapi makanan asas itu mungkin tidak termasuk kek.

Langkah 4: Menilai Cara Anda Berbelanja

Jika anda mendapati bahawa anda tidak mempunyai apa-apa baki pada akhir bulan, barangkali anda perlu menilai cara anda berbelanja. Anda perlu meneliti senarai perbelanjaan anda untuk memastikan sama ada kesemuanya adalah benar-benar perlu atau merupakan perbelanjaan yang anda boleh kurangkan atau membeli langsung.

Berikut ialah tip-tip bagaimana anda boleh menjadikan perbelanjaan anda lebih menjimatkan:

- Semak senarai barangan isi rumah yang anda beli untuk meneliti sama ada jenama yang dibeli boleh ditukar ke jenama yang lebih murah tanpa menjejaskan kualiti (seperti kertas tisu tanda, serbuk pencuci, cairan pembersih dan sebagainya)
- Semak senarai keperluan barang-barang dapur anda untuk mengenal pasti barangan yang “elok ada” tetapi sebenarnya tidak diperlukan.

- Perhatikan belanja bulanan anda bagi barangan mewah untuk mengenal pasti sama ada anda benar-benar memerlukannya (seperti perabot, barangan elektrik, majalah langganan, rawatan kecantikan, hiburan dan sebagainya).

Panduan Berbelanja Berhemat

- **Sediakan senarai barangan**
Beli barangan mengikut senarai yang disediakan lebih awal. Patuh pada senarai itu.
- **Beli barangan perlu sahaja**
 - Kurangkan kekerapan mengunjungi pasar raya;
 - Jangan berbelanja ketika merasa bosan kerana anda berkemungkinan besar berbelanja mengikut gerak hati dan pertimbangan;
 - Elakkan berbelanja ketika bersama rakan sebaya yang mementingkan gaya dan jenama. Mereka ini akan mempengaruhi corak perbelanjaan anda; dan
 - Jangan membawa wang yang banyak ketika berbelanja. Bawa wang yang secukupnya untuk membayar harga barangan yang anda rancang membelinya.
- **Pilih barang yang hendak dibeli**
 - Buat perbandingan harga;
 - Bandingkan harga daripada kos per unit; dan
 - Berbelanja ketika diadakan jualan murah atau diskaun.
- **Semak dan simpan resit pembelian**
 - Semak resit pembayaran bagi mengelakkan anda terlebih bayar; dan
 - Untuk memulangkan barangan yang rosak atau mendapat ganti rugi.

- **Beli kuantiti yang diperlukan**
 - Bagi mengelakkan pembaziran beli kuantiti barangan mengikut keperluan.

- **Beli barang berasaskan fungsi bukannya jenama**
 - Barangan berjenama terkenal biasanya lebih mahal berbanding dengan barangan jenama tempatan; dan
 - Pilih barang yang berkualiti yang tidak semestinya berjenama.

- **Dapatkan pandangan rakan dan orang yang arif**
 - Khususnya bagi pembelian barangan berharga besar seperti telefon bimbit, komputer riba, motosikal atau kereta;
 - Luangkan masa untuk membuat tinjauan serta perbandingan harga dan kualiti serta tempat membeli dan kaedah pembayaran; dan
 - Pembelian secara ansuran biasanya lebih mahal, tetapi kadang kala ansuran merupakan pilihan terbaik.

- **Belanja mengikut peruntukan yang dibuat**
 - Berbelanja tanpa mengikut peruntukan boleh menyebabkan rancangan kewangan keseluruhan terjejas; dan
 - Elakkan berhutang apabila berbelanja.

Langkah 5: Catat Rancangan Perbelanjaan Anda

Dengan mencatat aliran wang masuk dan keluar, anda dapat menghalakan tumpuan ke bahagian perbelanjaan yang sudah tidak terkawal dan juga bagi memberikan ruang kepada anda untuk menyimpan pula. Sekiranya pendapatan anda melebihi perbelanjaan, anda akan dapat mengasingkan wang untuk rancangan simpanan anda demi mencapai matlamat yang anda tetapkan lebih awal.

Di bawah ini diberikan panduan bagaimana merangka satu rancangan perbelanjaan bertulis:

- Tentukan berapakah pendapatan bulanan anda;
- Campurkan semua jumlah perbelanjaan termasuk bil bulanan tetap, bayaran balik pinjaman, sewaan, perbelanjaan keperluan harian dan sebagainya.
- Ketepikan sejumlah wang yang tetap yang mencukupi untuk membiayai keperluan pada waktu kecemasan atau belanja bermusim (seperti yuran sekolah, cukai jalan, pembaharuan insurans dan sebagainya).

Sekiranya terdapat lebih setelah menolak perbelanjaan anda maka anda semakin hampir kepada matlamat anda. Sekiranya anda tidak mempunyai lebih wang tunai untuk disimpan, anda mungkin perlu menyemak semula pola perbelanjaan anda dan mengurangkan mana-mana perbelanjaan yang tidak perlu.

Jangan sifatkan rancangan perbelanjaan anda sebagai batasan yang mengikis keceriaan dalam hidup anda. Belanjawan yang mencapai matlamatlah yang sebenarnya dapat memberikan kebebasan kewangan kepada anda pada masa sekarang dan pada masa depan.

Pengurusan Perbelanjaan yang Bijak

Anda boleh menambah nilai wang anda jika anda dapat mempelajari bagaimana untuk menguruskannya secara berhati-hati, seperti:

1. Mengetahui apa hendak dibuat dengan wang anda
2. Mengetahui ke mana perginya wang anda
3. Mengenal pasti tabiat anda berbelanja
4. Membentuk satu rancangan perbelanjaan yang cermat
5. Berbelanja secara berhemat dan mengikut kemampuan anda
6. Menyimpan wang sedikit demi sedikit untuk masa depan anda.

Pandangan semua ahli keluarga khususnya anak-anak, hendaklah diambil kira semasa membuat keputusan berhubung dengan perancangan kewangan anda. Ini akan menjadikan anda lebih akur dengan rancangan perbelanjaan anda dan juga membantu anak-anak membentuk kemahiran dalam hal perancangan kewangan pada peringkat umur yang masih muda lagi.

10 Tabiat Mengurus Belanjawan yang Baik

1. Menerima gaji dan berbelanja kurang daripada pendapatan. Peraturan asas ini nampak mudah tetapi hakikatnya sukar untuk dilaksanakan. Anda perlu tahu sama ada anda menerima gaji yang sepatutnya berbanding kepakaran, keupayaan, produktiviti dan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada anda. Tidak kira berapa gaji anda, jangan sesekali berbelanja melebihi pendapatan. Sedarlah, menyekat perbelanjaan adalah lebih mudah daripada mencari pendapatan yang lebih tinggi. Berjimat walaupun sedikit boleh memberi kesan yang besar pada tabungan.
2. Rancang dan patuhi jadual belanjawan. Rancang perbelanjaan anda. Anda tidak akan mampu berbelanja dan menyimpan pada masa yang sama tanpa perancangan kewangan yang betul.
3. Lunaskan hutang kad kredit. Berterus-terusan mempunyai hutang kad kredit adalah satu kesilapan paling besar. Memang terlalu mudah untuk menggunakan kad kredit tetapi amat payah untuk melunaskannya dan akhirnya anda akan terus dibebani hutang yang BESAR!
4. Mencarum dalam pelan persaraan. Jika syarikat anda menyediakan pelan persaraan, jangan lepaskan peluang untuk mencarum. Jika tiada, pertimbangkan pelan atau skim lain yang disediakan untuk pekerja.

5. Menabung. Pastikan anda menyimpan sekurang-kurangnya lima peratus ke 10 peratus daripada gaji anda sebelum menyelesaikan segala bil. Cara paling baik, buat potongan secara automatik untuk akaun yang berbeza.
6. Melabur! Pastikan anda membuat pelaburan - jika masih ada wang lebih selepas mencarum untuk skim persaraan atau skim simpanan pekerja dan menabung dalam akaun simpanan.
7. Tingkatkan caruman skim kemudahan untuk pekerja. Tambah nilai caruman anda pada skim kemudahan yang disediakan untuk pekerja. Ia akan membantu anda mengurangkan pembayaran cukai dan membatasi perbelanjaan yang tidak perlu.
8. Semak liputan insurans. Ramai orang membeli insurans dengan bayaran premium yang tinggi tanpa terlebih dulu menyelidik sama ada ia perlu atau tidak. Pastikan anda mempunyai insurans secukupnya tetapi pada masa yang sama tidak membebankan kedudukan kewangan. Kemas kini wasiat. Lindungi orang yang disayangi. Pastikan anda membuat wasiat tidak kira berapa sedikit pun harta anda.
9. Simpan rekod kewangan dengan baik. Jika anda tidak menyimpan semua rekod perbelanjaan, anda mungkin terlepas pandang untuk mendapatkan pengecualian cukai untuk perbelanjaan tertentu.
10. Sabar dan tabah ketika menghadapi kemelut kewangan.

Penunjuk Masalah Kewangan

Membentuk belanjawan keluarga setelah anda ditimpa masalah kewangan bukanlah satu tindak yang digalakkan. Namun begitu, kesedaran untuk membentuk belanjawan yang berhemat setelah dihimpit masalah kewangan merupakan satu reaksi yang positif. Untuk mengetahui sama ada sesuatu keluarga itu sedang mengalami masalah kewangan boleh dilihat melalui tanda-

tanda yang berikut:

- Pertengkaran suami isteri kerana wang
- Menghitung hari gaji
- Nisbah hutang dengan pendapatan yang tinggi
- Bergantung hidup pada kad kredit
- Bayar nilai minimum pinjaman kad kredit
- Guna simpanan untuk bayar bil semasa
- Tangguh/ elak bayar bil
- Terima notis tunggakan bil
- Ambil pinjaman baru untuk tampung hutang lama
- Tangguh bayaran balik pinjaman
- Tiada simpanan tunai untuk kecemasan
- Bergantung pada pendapatan tambahan
- Tidak tahu ke mana wang dibelanjakan
- Tidak tahu berapa hutang
- Menulis cek menggunakan kemudahan overdraf
- Tiada sistem perbelanjaan tertentu
- Bertukar kerja terlalu kerap
- Tidak lena tidur memikirkan masalah hutang

Aspek Simpanan Dalam Belanjawan Keluarga

Adakah anda mengasingkan sedikit wang untuk simpanan dalam belanjawan keluarga anda? Simpanan penting ketika kecemasan dan dengan memasukkan elemen ini dalam belanjawan keluarga, anda telah menyediakan payung sebelum hujan kepada keluarga anda.

Ketika anda berbincang dengan keluarga semasa merancang membentuk satu belanjawan, biasanya simpanan tidak diberi perhatian yang wajar dan sering diletakkan di akhir perbincangan. Anda tidak sedar bahawa perbelanjaan hidup harian, tidak memungkinkan anda mengasingkan sedikit wang untuk disimpan di hari muka. Sedangkan masa depan yang menanti kita tidak dapat diramal. Jarang sekali, kita membuat belanjawan untuk menghadapi musibah seperti kemalangan, sakit, dan sebagainya.

Oleh itu, apabila anda menyediakan belanjawan keluarga, berikan keutamaan kepada simpanan. Satu cara bagi memastikan anda berjaya menyimpan ialah dengan membuat pemotongan gaji sebelum anda membuat belanjawan. Dengan kata lain, anda boleh membuat pemotongan sebanyak 5 hingga 10 peratus gaji anda dalam satu akaun yang berasingan yang sukar diakses. Dengan cara itu, anda tidak tergoda untuk membelanjakan wang tersebut.

Salah satu cara lain untuk meningkatkan simpanan keluarga anda ialah dengan mengasingkan wang tambahan seperti bonus tahunan atau rebat cukai untuk simpanan keluarga. Jika anda terus memasukkan wang tambahan yang diperoleh itu ke dalam akaun kecemasan keluarga anda, nescaya anda tidak sempat untuk memikirkan apa yang patut dibeli daripada wang itu.

Jika sumber anda terlalu terhad, sudah tentu hasrat untuk anda menyimpan mungkin tidak kesampaian. Tetapi ada cara lain yang membolehkan anda merealisasikan hasrat itu, ialah dengan cara mengamalkan langkah-langkah pemotongan kos untuk mendapatkan sedikit wang lebihan.

Di bawah ini diberikan beberapa cara bagaimana anda boleh menjimatkan wang untuk disimpan.

- Kurangkan memandu dan banyakkkan berjalan. Selain boleh menyihatkan badan, anda juga dapat mengurangkan penggunaan petrol;

- Bawa bekal makanan ke tempat kerja. Dengan membawa bekal anda menjimatkan sejumlah wang yang agak besar.
- Lawati perpustakaan dan kurangkan ke kedai buku. Meminjam buku dapat menjimatkan wang besar daripada membeli buku di kedai.
- Buat kerja pembaikan sendiri. Dengan membuat kerja pembaikan sendiri seperti kerja membaiki dan menghiasi rumah, membetulkan paip atau longkang, sebenarnya dapat menjimatkan banyak wang daripada mengalirkan dari poket anda.
- Buang tabiat buruk yang merugikan seperti menghisap rokok atau berjudi.

Tingkatkan Kefahaman Anda Tentang Nilai Wang

Wang yang dipegang hari ini bernilai lebih tinggi berbanding dengan wang yang dipegang jumlah yang sama pada masa depan. Untuk menjelaskan lagi konsep ini, katakan anda mendepositkan wang ke dalam akaun simpanan berkadar faedah pada 5%, RM1,000 yang disimpan hari ini akan bernilai RM1,050 dalam tempoh satu tahun ($RM1,000 \times 1.05$). Sebaliknya, RM1,000 yang diterima satu tahun dari sekarang hanya bernilai RM952.38 hari ($RM1,000 \div 1.05$). Di sini pendaraban digunakan apabila amaun ringgit didepositkan dalam akaun berkadar faedah. Ini disebabkan dari sekarang hingga ke satu tempoh masa depan, ia akan berterusan menghasilkan faedah.

Pembahagian digunakan untuk menggambarkan kerugian yang ditanggung dalam satu tempoh ketika sejumlah wang tidak berada dalam akaun yang berkadar faedah.

Daripada ilustrasi ini anda boleh lihat bahawa wang mempunyai nilai masa. Jika faktor-faktor lain sama, maka nilai semasa wang adalah lebih tinggi daripada nilai amaun yang sama pada sebarang tempoh pada masa depan.

Kuasa Pengkompaunan Faedah

Kuasa pengkompaunan faedah menunjukkan semakin cepat anda mula menyimpan, semakin besar faedah yang terkumpul yang akan diperolehi

daripada pelaburan asal anda. Ini bermakna semakin banyak wang yang anda asingkan dalam simpanan sekarang ini, semakin cepat anda dapat memenuhi impian anda. Ilustrasi di bawah menunjukkan tentang dua orang yang menyimpan sebanyak RM 1,000 setahun, tetapi pada jangka masa yang berbeza.

AHMAD						BAKAR					
Umur	Simpanan	Jumlah	Umur	Simpanan	Jumlah	Umur	Simpanan	Jumlah	Umur	Simpanan	Jumlah
Tahunan	Terkumpul		Tahunan	Terkumpul		Tahunan	Terkumpul		Tahunan	Terkumpul	
25	1,000	1,100	41	0	34,161	25	0	0	41	1,000	12,580
26	1,000	2,310	42	0	37,577	26	0	0	42	1,000	14,938
27	1,000	3,641	43	0	41,334	27	0	0	43	1,000	17,532
28	1,000	5,015	44	0	45,467	28	0	0	44	1,000	20,381
29	1,000	6,716	45	0	50,013	29	0	0	45	1,000	23,523
30	1,000	8,488	46	0	55,014	30	0	0	46	1,000	26,975
31	1,000	10,436	47	0	60,515	31	0	0	47	1,000	30,772
32	1,000	12,580	48	0	66,566	32	0	0	48	1,000	34,949
33	1,000	14,938	49	0	73,222	33	0	0	49	1,000	37,543
34	1,000	17,532	50	0	80,544	34	1,000	1,100	50	1,000	44,597
35	0	19,285	51	0	88,598	35	1,000	2,310	51	1,000	50,156
36	0	21,213	52	0	97,457	36	1,000	3,641	52	1,000	56,271
37	0	23,334	53	0	107,202	37	1,000	5,015	53	1,000	62,998
38	0	25,667	54	0	117,922	38	1,000	6,716	54	1,000	70,397
39	0	28,233	55	0	129,714	39	1,000	8,488	55	1,000	78,536
40	0	31,056	56	0	142,685	40	1,000	10,436	56	1,000	87,489

Kisah di sebalik ilustrasi di atas...

Ahmad dan Bakar merupakan dua orang sahabat rapat, sebaya, dan kedua-dua mereka mula bekerja ketika berumur 25 tahun. Ahmad merupakan seorang yang sentiasa membuat persediaan untuk masa depan dan mula menyimpan sebanyak RM1,000 setahun ketika berumur 25 tahun, dan berhenti menyimpan selepas 10 tahun. Dan simpanan itu dibiarkan di dalam akaun. Tetapi Bakar pula seorang yang suka berlengah-lengah dan hanya menyimpan setelah berumur 34 tahun, juga sebanyak RM1,000 setahun dan berterusan menyimpan selama 23 tahun.

Dengan andaian kedua-dua mereka mendapat pulangan purata daripada simpanan sebanyak 10% setahun, ketika mereka berdua berumur 56 tahun, Ahmad mempunyai simpanan sebanyak RM142,685, walaupun jumlah asal yang disimpan hanyalah RM10,000. Manakala simpanan Bakar hanyalah RM87,489,

walaupun jumlah asal simpanan Bakar adalah lebih banyak daripada Ahmad iaitu sebanyak RM23,000. Dan akhirnya Bakar menyesal kerana bertanggung di dalam menyimpan, dan memarahi kawannya Ahmad kerana tidak menasihatinya untuk menyimpan lebih awal.

Kesimpulan kisah di atas, menyimpanlah seawal mungkin, sikap bertanggung-tanggung kita boleh melibatkan kerugian nilai yang besar pada masa hadapan. Menyimpan tidak semestinya hanya bagi yang sudah bekerja, malah yang masih belajar pun boleh mula menyimpan untuk masa depan.

INGAT, apabila anda memilih pelaburan, semakin tinggi jangkaan pulangan, semakin besar risiko yang harus anda tanggung!

Pelbagaikan Pelaburan

Oleh itu, jangan laburkan kesemua wang anda dalam satu jenis pelaburan. Jika sesuatu berlaku kepada pelaburan anda, anda mungkin akan kehilangan kesemua wang anda. Pelbagaikan pelaburan anda! Rancang portfolio pelaburan yang seimbang. Penyebaran wang anda ke pelbagai jenis pelaburan merupakan langkah utama mengurangkan risiko.

Impak Inflasi dan Cukai

Matlamat pelaburan adalah untuk menambah wang anda melebihi inflasi. Oleh itu, pastikan nilai sebenar pulangan pelaburan anda tidak berkurang disebabkan kesan inflasi. Cukai juga akan mengurangkan pulangan pelaburan, melainkan pelaburan anda mendapat pengecualian cukai. Oleh itu, anda melabur dalam aset yang membolehkan anda mendapat pulangan terbaik sesudah mengambil kira kesan pencukaian dan inflasi dalam jangka panjang.

Memahami Risiko

Risiko ialah satu penunjuk jangkaan mengenai potensi keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan pelaburan merentas masa. Jika anda menjangka akan meraih keuntungan yang tinggi dalam tempoh yang singkat, risiko yang

ditanggung adalah tinggi. Walau bagaimanapun, jika anda memilih pelaburan jangka panjang, tahap risiko yang ditanggung adalah lebih rendah. Semakin panjang tempoh masa pelaburan, variasi dan volatiliti pulangan cenderung untuk menjadi lebih rendah.

Jenis-jenis Pelaburan

1. Pelaburan tunai dan faedah tetap

- Pelaburan tunai merupakan bentuk pelaburan biasa yang paling popular di Malaysia, seperti akaun simpanan bank dan deposit tetap.
- Pelaburan ini memberi anda akses yang mudah kepada wang anda apabila anda memerlukannya, dan pelaburan ini juga merupakan pelaburan paling selamat kerana anda tidak akan kehilangan sebarang modal.
- Walau bagaimanapun, pelaburan ini biasanya memberikan pendapatan yang sangat kecil dan tidak terdapat pertumbuhan modal.
- Namun begitu, dalam jangka panjang, pelaburan ini berisiko kerana nilai pelaburan anda akan dihakis oleh inflasi.
- Bagi pelabur, produk tunai dan faedah tetap ini adalah sesuai untuk:
 - kegunaan sebagai akaun transaksi;
 - simpanan tunai di tangan untuk perbelanjaan jangka pendek dan kecemasan; dan
 - simpanan jangka pendek yang tiada risiko terhadap modal.

2. Saham

- Saham (juga dikenali sebagai ekuiti atau stok) merupakan pemilikan dalam syarikat. Apabila anda membeli satu saham, anda menjadi pemilik sebahagian daripada syarikat dan berhak atas nilai masa depan saham itu dan keuntungan.

- Saham dalam sebuah syarikat menawarkan pertumbuhan dalam bentuk:
 - Sekiranya nilai keseluruhan syarikat meningkat, nilai sahamnya juga meningkat; dan
 - Anda akan mendapat dividen apabila syarikat memilih untuk membayar sebahagian daripada keuntungannya kepada pemegang saham sebagai pembayaran pendapatan.
- Saham berpotensi untuk menjana pulangan yang sangat tinggi. Walau bagaimanapun, ia juga berpotensi untuk jatuh dari segi nilai jika prestasi syarikat merosot.
- Saham biasanya sesuai untuk pelabur yang:
 - ingin mewujudkan penjana pendapatan untuk matlamat kewangan jangka panjang dan jangka sederhana;
 - mempunyai tempoh masa pelaburan yang lebih panjang; dan
 - selesa dengan sedikit turun naik dalam nilai pelaburan mereka dalam jangka pendek sebagai imbuhan yang lebih tinggi dalam jangka panjang (dari segi pendapatan dividen dan keuntungan modal).

3. Amanah Saham

- Dalam amanah saham, wang daripada ratusan pelabur individu dikumpulkan untuk membeli sejumlah pelbagai aset yang besar.
 - Pengurus dana profesional menentukan berapakah peratusan dana patut dilaburkan dalam sesuatu kelas aset, dan juga negara destinasi pelaburan, industri dan syarikat yang mempunyai prospek pulangan terbaik (dengan pilihan untuk membuat sumbangan tambahan dari semasa ke semasa); dan
 - Mencari kepelbagaian pelaburan untuk meminimumkan risiko.

4. Harta Tanah

- Harta tanah merupakan satu kelas aset yang diketahui oleh kebanyakan rakyat Malaysia.
- Pelaburan harta tanah menawarkan nilai kepada pelaburan dalam dua bentuk:
 - Harta tanah meningkat dari segi nilai modal dari masa ke masa jika harga rumah dan tanah meningkat; dan
 - Anda boleh memperoleh pendapatan sewa daripada penyewa.
- Seperti saham, harga harta tanah akan meningkat dan menurun mengikut permintaan pasaran. Oleh itu, harta tanah pada amnya hanya sesuai sebagai pelaburan jangka panjang.
- Salah satu faktor terpenting yang patut dipertimbangkan apabila membeli harta tanah ialah lokasi.
- Pada amnya, harta tanah sesuai untuk pelabur yang:
 - tidak akan terdesak untuk mendapatkan wang mereka semula;
 - mempunyai tempoh masa pelaburan jangka panjang; dan
 - mempunyai keupayaan membayar balik gadai janji jika kadar faedah meningkat atau jika harta tanah tidak disewa.

5. Jenis Pelaburan Lain

- **Bon:** Apabila anda membeli bon kerajaan atau bon korporat, sebenarnya anda meminjamkan wang untuk sesuatu tempoh yang ditetapkan pada kadar faedah yang ditentukan lebih awal. Sebagai pulangan, anda menerima pendapatan yang konsisten melalui pembayaran faedah yang tetap.
- **Real Estate Investment Trust (REIT):** Pelaburan ini serupa dengan amanah saham. Yang membezakannya hanyalah ia merupakan pelaburan dalam bentuk harta tanah (*property* dan *real estate*). Keuntungan daripada pelaburan ini dibayar kepada pelabur dalam bentuk dividen.

- **Pelaburan derivatif /pasaran hadapan**

Di Malaysia, produk derivatif atau pasaran hadapan ini dikendalikan oleh Bursa Malaysia Berhad sepenuhnya. Pada masa sekarang terdapat 10 produk kesemuanya:

1. KLCI (FKLI) Futures
2. KLCI (OKLI) Options
3. 3 Mth Month Kuala Lumpur Interbank Offered Rate interest rate (FKB3) Futures
4. Crude Palm Oil (FCPO) Futures
5. 3-Year Malaysian Government Securities (FMG3) Futures
6. 5-Year Malaysian Government Securities (FMG5) Futures
7. 10-Year Malaysian Government Securities (FMGA) Futures
8. Crude Palm Kernel Oil (FPKO) Futures
9. Single Stock Futures (SSFs)
10. USD Crude Palm Oil Futures (FUPO)

Awas Pelaburan Tipu!

Adakah anda atau kenalan anda pernah mengalami senario seperti ini?

Amran baru sahaja pulang dari Australia dengan kelulusan dalam bidang pentadbiran perniagaan. Dia terbaca iklan jawatan kosong bagi pegawai eksekutif pentadbiran. Iklan ini menjanjikan gaji empat angka, di samping menawarkan faedah yang cukup istimewa. Amran terus membuat permohonan.

Dua minggu kemudian, Amran menerima panggilan telefon yang meminta dia menghadiri temu duga. "Saya perlu baju baru untuk menghadiri temu duga ini," kata Amran dan terus pergi membeli sut, baju dan tali leher baru. Pada hari temu duga, dia tertarik dengan suasana pejabat dan penemu duga yang mengendalikan sesi tersebut secara profesional dan berpakaian formal.

Dengan gembira Amran memberitahu keluarganya bahawa dia telah ditawarkan pekerjaan dan akan menjalani kursus selama dua minggu sebelum mula

bertugas. Ketika kursus, Amran diberitahu bahawa syarikat tersebut ialah sebuah firma komoditi dan indeks dagangan antarabangsa, yang ditubuhkan di Hong Kong dan bertindak sebagai ejen bagi rumah dagangan asing. Syarikat itu memperdagang produk dalam pasaran asing dan mempunyai rekod kejayaan yang cemerlang.

Pada penghujung kursus tersebut, Amran bersama-sama eksekutif lain ditawarkan manfaat tambahan, iaitu pihak syarikat bermurah hati membenarkan setiap pekerja melabur antara USD3,000 hingga USD5,000 seorang. Perjanjian ditandatangani bersama syarikat induk asing dan segala-galanya kelihatan sah dari segi undang-undang serta diuruskan secara profesional.

Amran mendapati bahawa sebahagian kakitangan syarikat berurus niaga dalam indeks Hang Seng pada waktu siang, manakala yang lain berurus niaga dalam saham dan komoditi Amerika Syarikat pada waktu malam. Atas keyakinannya pada syarikat, Amran pun meminjam wang daripada ibu bapanya untuk melabur.

Pada mulanya, akaun pelaburan Amran menunjukkan keuntungan, jadi dia mengambil keputusan untuk terus melabur. Tetapi tidak lama kemudian, pelaburan tersebut mula mengalami kerugian. Wang yang Amran laburkan telah habis. Dia dikehendaki menambah wang lagi. Apabila dia enggan berbuat demikian, dia diberhentikan kerja. Semuanya berlaku dalam masa sebulan dan dia belum pun menerima gaji pertama!

Berhati-hati terhadap penipuan pelaburan!

Kisah di atas hanyalah rekaan semata-mata, tetapi penipuan sedemikian telah wujud di Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah mengambil tindakan terhadap beberapa firma sedemikian. Syarikat begini berurus niaga dalam pasaran kontrak niaga hadapan tanpa lesen, dan menyembunyikan operasi sebenar mereka dengan mengubah aktiviti dagangan komoditi kepada dagangan indeks, seperti Indeks Hang Seng, Indeks Pasaran Islam Dow Jones dan indeks pasaran modal asing lain.

Ingat, mengurus niaga hanya dengan syarikat yang memperoleh lesen daripada Suruhanjaya Sekuriti.

Cara Mengenal Skim Penipuan Pelaburan

Berikut ialah beberapa ciri dan janji yang umumnya terdapat dalam sesuatu skim penipuan:

- Untuk setiap pelaburan yang dibuat, anda ditawarkan pulangan yang tinggi, umpamanya 20-30% sebulan.
- Anda tidak pernah ditunjukkan produk yang perlu anda jual yang kononnya berkualiti, sebaliknya dibayar mengikut bilangan orang yang anda latih atau yang mendaftar diri.
- Anda diberitahu bahawa tawaran itu hanya untuk tempoh terhad dan anda MESTI membelinya sekarang.
- Anda diminta memasukkan wang ke dalam bank asing dalam mata wang asing untuk mendapatkan suatu hadiah tetapi anda tidak pernah pun masuk sebarang pertandingan atau cabutan bertuah.
- Anda menerima panggilan telefon menawarkan peluang-peluang pelaburan dan anda sendiri tidak tahu bagaimana syarikat itu mendapat nombor telefon anda.
- Anda menerima e-mel yang meminta nombor akaun bank anda kerana mereka mahu menghantar wang kepada anda dari beberapa negara asing, biasanya berjumlah berjuta-juta dolar Amerika Syarikat. Ini sebenarnya bukanlah satu bentuk skim penipuan pelaburan, tetapi tetap merupakan satu skim penipuan yang popular.
- Anda ditawarkan satu produk pelaburan yang menjamin keuntungan besar tanpa sebarang risiko kewangan.

- Anda diminta melabur dalam satu skim pelaburan. Alamat dan maklumat perhubungan syarikat pelaburan yang menawarkan keuntungan besar kepada anda itu terletak di sebuah negara asing yang anda tidak dapat pastikan lokasi sebenar syarikat itu.
- Anda ditawarkan “hadiah percuma” , contohnya, sejumlah wang yang besar.
- Anda ditawarkan peluang pekerjaan dengan gaji yang besar tanpa memerlukan pengalaman dan kelayakan akademik tertentu.
- Anda didatangi seseorang yang mengaku sebagai ejen bagi syarikat dagangan asing (umpamanya yang beribu pejabat di Macau, Bahamas, Kepulauan British Virgin, dan lain-lain) untuk berdagang dalam indeks asing (contohnya, indeks Hang Seng), komoditi (contohnya kopi) atau mata wang asing (contohnya USD, Yen) tetapi anda perlu menandatangani sejumlah wang dalam mata wang asing sebagai “margin”, sebelum sesuatu urusan niaga boleh dilakukan.
- Sukar untuk menemui sebarang maklumat mengenai lesen atau kewujudan syarikat itu dalam laman web mana-mana pihak pengawal selia atau pihak berkuasa.

Cara Mengelakkan Daripada Skim Penipuan Pelaburan

Untuk mengelakkan diri daripada tertipu, sentiasa ingat petua-petua perlindungan yang berikut:

- Hindari sebarang pelaburan yang menjamin keuntungan tetap atau tinggi bagi satu pelaburan kecil. Berhati-hatilah terhadap syarikat yang menjanjikan keuntungan besar atau menunjukkan prestasi cemerlang dalam satu tempoh masa yang pendek..
- Berhati-hati dengan pelan pelaburan yang menumpukan pada komisen melatih orang lain dan bukannya membayar anda kerana menjual produk

atau perkhidmatan. Perkataan yang menjadi kunci utama untuk mengingatkan anda supaya berhati-hati ialah “*downline*” atau “piramid”.

- Jangan sekali-kali bersetuju menyertai apa-apa “peluang” dalam keadaan mendesak, umpamanya, “tempoh untuk anda menyertai skim ini amat terhad” atau “beli sekarang, jika tidak, anda akan menyesal”. Ingatlah, jika perniagaan itu sah, ia akan tetap wujud esok, minggu hadapan, bulan hadapan atau tahun hadapan.
- Memang mustahil untuk memenangi sebarang hadiah atau wang yang banyak jika anda tidak memasuki sebarang pertandingan atau membeli loteri. Begitu juga, mustahil bagi sesuatu pertandingan yang sah di sisi undang-undang untuk meminta bayaran wang pendahuluan sebelum menyerahkan hadiah wang.
- Anda harus bersikap ragu-ragu mengenai sebarang panggilan telefon yang tidak dijangka mengenai pelaburan daripada jurujual atau syarikat luar pesisir yang anda tidak kenali.
- Pastikan anda memperoleh rekod prestasi syarikat tersebut. Dapatkan juga maklumat bertulis mengenai produk pelaburan dan perniagaan itu, serta risiko yang terbabit dalam pelaburan tersebut. Baca dengan teliti prospektus atau laporan tahunan syarikat berkenaan sebelum membuat pelaburan.
- Jangan berikan sebarang maklumat kewangan atau maklumat peribadi anda sebelum anda memastikan kesahihan syarikat itu.
- Jangan takut bertanya soalan. Malah, lebih banyak soalan yang anda tanyakan, lebih baik lagi. Minta penjelasan mengenai apa-apa perkara yang anda tidak faham. Walau bagaimanapun, jangan terima bulat-bulat semua maklumat yang diberikan.
- Sentiasa periksa laman web pihak pengawal selia, contohnya, laman web Suruhanjaya Sekuriti (www.sc.com.my), untuk mendapatkan maklumat

mengenai amaran untuk pelabur, atau senarai syarikat-syarikat perantara berlesen.

- Jika ragu-ragu, jangan melabur. Mengapa anda mesti meletakkan wang anda dalam risiko jika anda tidak mendapat maklumat sepenuhnya mengenai syarikat, jurujual/ejen, atau pelaburan tersebut?

Pengurusan Hutang Secara Berhemat

Definisi Hutang

“Sejumlah wang yang dipinjam daripada seseorang atau organisasi. Hutang boleh berbentuk pinjaman, bon, gadai janji atau bentuk lain yang menggunakan terma pembayaran balik dengan faedah. Kesemua bentuk hutang ini melibatkan pembayaran balik sejumlah wang yang dipinjam dalam tempoh yang ditetapkan dengan terma pembayaran balik yang ditentukan dari awal” www.investorwords.com. Hutang juga dikenali sebagai kredit, pinjaman, pembiayaan, ansuran, gadaian, bil dan sebagainya.

Sikap yang Salah Tentang Hutang

Kini telah wujud sikap yang mula menjadi budaya dalam masyarakat, iaitu jika boleh, mereka tidak mahu meminjam, tetapi jika terpaksa meminjam mereka tidak mahu membayar. Ini merupakan satu sikap yang salah. Sepatutnya, kita harus mempunyai tabiat jika terpaksa berhutang, hutang haruslah diselesaikan dengan segera.

"Kebocoran yang kecil masih boleh menenggelamkan sebuah kapal yang besar."

Lima Sebab Utama Individu Berhutang

1. **Personaliti** - peribadi dan sikap seseorang yang sememangnya suka berhutang kerana sudah menjadi satu kebiasaan kepada dirinya melihat ibu

bapa, adik beradik dan saudara maranya yang memang suka berhutang untuk memenuhi kehendak dan keperluan diri. Ibu dan kakaknya suka berhutang membeli perabot, hutang kain, hutang pinggan mangkuk, hutang langsir sehinggalah membeli alat solek pun berhutang. Jadi budaya berbelanja lebih daripada pendapatan yang ada dan berhutang sudah menjadi amalan biasa pada dirinya, malah mendapat sokongan padu daripada keluarga.

2. **Pengaruh Persekitaran** - hidup mereka sentiasa dikelilingi oleh mereka-mereka yang menjadikan hutang itu sebagai gaya hidup malah rakan-rakan sendiri memberi galakan untuk berhutang bagi membeli kereta yang kononnya setaraf dengan kerjaya mereka. Malah ada yang memberi nasihat songsang pada rakannya dengan mengatakan *shopping and spending are part of happiness, so go for them!*. Pengaruh negatif inilah yang menjadikan seseorang itu terus lena dibuai mimpi indah di atas tilam dan sofa yang juga dibeli secara hutang di kedai perabot!
3. **Promosi** – sebagai suatu entiti perniagaan yang bersaing antara satu sama lain, institusi kewangan juga melakukan promosi terhadap perkhidmatan dan produk mereka masing-masing, termasuk promosi kad kredit. Selain itu, pelbagai iklan dan mesej digunakan untuk mendorong pengguna menggunakan kad kredit. Bagi pengguna, mereka seharusnya bijak memilih kad kredit yang sesuai dengan keperluan mereka dan berani untuk menyatakan “tidak” jika mereka tidak memerlukannya.
4. **Pujian dan dorongan**, banyak puji-pujian dan dorongan agar kita terus kelihatan anggun, cantik dan bergaya selaras dengan umur yang masih muda dengan kerjaya yang disandang. Kerana terlena dan perasan dengan pujian tersebut, maka berlumba-lumbalah golongan tertentu tidak kira lelaki atau wanita membeli-belah barangan berjenama yang bukan murah harganya, falsafah mereka biar papa asal bergaya menjadikan mereka

akhirnya papa dan merana kerana muflis. Siapa yang perlu dipersalahkan jika keadaan ini berlaku? Tepuk dada tanyalah selera!

5. **Kehabisan wang** - selalu pokai atau tidak cukup duit kerana gaya hidup mewah inilah yang menjadi fokus utama mengapa golongan tersebut banyak berhutang. Mari kita lihat gaya hidup mewah yang menyebabkan golongan tertentu terperangkap dengan dunia yang mereka cipta sendiri dan bandingkan dengan gaya hidup ala kadar yang boleh membantu mereka berjimat cermat dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Berhutang Hanya Jika Perlu

Sumber kredit (hutang) penting dalam keadaan tertentu. Namun, penggunaan kredit yang tidak dirancang serta dikawal dengan baik boleh membawa kepada ketidakmampuan untuk melangsaikan hutang.

Anda mungkin memerlukan pinjaman untuk perkara-perkara yang berikut:

- **Membeli rumah atau harta tanah**
Pembelian yang meningkatkan nilai aset masa depan dan kadar faedah yang dikecualikan cukai.
- **Pinjaman pendidikan**
Bagi meningkatkan nilai dan kualiti modal insan
- **Pinjaman perniagaan**
Mempunyai potensi untuk berkembang
- **Pembiayaan kos perubatan**
Penyakit yang tidak dirawat akan meningkatkan risiko kesihatan diri pada masa depan.

Tip-tip Ketika Berhadapan dengan Masalah Hutang

- **Hadapi hutang anda**
Jangan elakkan diri anda dengan membiarkan hutang berlalu tanpa dikawal. Hadapi hutang anda dan cuba cari penyelesaian dengan mula mengawal perbelanjaan;
- **Maksimumkan penggunaan wang ada**
Sediakan belanjawan yang realistik supaya anda dapat mengetahui ke mana wang anda dibelanjakan dan berapakah jumlah wang anda boleh peruntukan bagi mengurangkan jumlah hutang. Jika masih tidak berjaya, cuba kurangkan perbelanjaan baru dan tingkatkan pendapatan melalui kerja sampingan;
- **Kurangkan kos**
Perhatikan perbelanjaan anda dan cari peluang untuk membuat simpan. Amalkan sikap berjimat cermat dan jual barangan tidak penting yang boleh mendapatkan wang;
- **Berjumpa pakar kewangan**
Berjumpa dengan perancang kewangan bertauliah untuk mendapatkan khidmat nasihat, menilai dan menyusun semula hutang;
- **Sentiasa berhubung dengan pihak bank**
Jangan elakkan diri anda daripada memberi maklumat dan berurusan dengan pihak peminjam atau pihak bank. Kelewatan anda menangani masalah hutang anda mungkin akan membawa kesusahan pada diri anda pada hari kemudian;
- **Elakkan berjumpa dengan Ah Long atau ceti haram untuk bantuan kewangan**

Jangan berurusan dengan ceti haram atau Ah Long yang menekan mangsa dengan kadar faedah yang tinggi dan membebankan. Terdapat kes peminjam sanggup membunuh diri dan ahli keluarga kerana tertekan oleh ceti haram; dan

- **Dapatkan khidmat Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)**

AKPK menyediakan khidmat pengurusan kredit, kaunseling kredit dan penyusunan semula hutang anda secara percuma.

Pengurusan Hutang Menggunakan Teknik “ Snow Ball”

Ikuti langkah-langkah yang berikut:

1. Kenal pasti hutang anda yang paling kecil (hutang satu);
2. Bayar setiap sen yang berlebihan untuk hutang ini, manakala hutang-hutang lain hanya dibayar minimum;
3. Apabila anda selesai membayar hutang yang pertama, kenal pasti hutang terkecil yang lain (hutang dua);
4. Tambah amaun yang anda bayar untuk hutang satu kepada pembayaran minimum untuk hutang dua, dan bayar jumlah tersebut;
5. Biarkan “nowball” berkembang dengan setiap hutang yang anda selesaikan.

Dengan proses yang berterusan, “snowball” anda akan menjadi besar, dan semakin pesat. Walau bagaimanapun, teknik ini meletakkan syarat untuk dilaksanakan, iaitu:

1. Hentikan pinjaman cepat seperti kad kredit;
2. Simpan wang dan wujudkan rizab;
3. Berniaga kecil-kecilan;
4. Buat kerja sambilan; dan
5. Baru gunakan teknik “Snow Ball”

Implikasi Jika Gagal Mengurus Kewangan Diri dan Keluarga

Derita kewangan akan menjejaskan bukan sahaja reputasi anda, anda juga akan terhimpit dari segi emosi untuk mencari wang bagi membayar hutang piutang anda dan seterusnya hubungan anda dengan keluarga dan sahabat handai akan terganggu. Semua ini akan menjejaskan kesihatan, mental dan kestabilan emosi anda. Anda akan terjerumus dalam masalah yang berlingkar-lingkar semata-mata kerana anda gagal merancang kewangan anda dan keluarga.

Implikasi Hutang Terhadap Individu

- Jiwa orang yang berhutang tidak akan tenteram;
- Seseorang yang terbeban dengan hutang akan memungkinkan mereka melakukan pelbagai perkara yang dilarang oleh agama dan undang-undang; dan
- Penyakit suka berhutang jika tidak dibendung dari awal akan menjadi budaya.

Tiada Kepercayaan Kredit

Jika anda berada dalam beban hutang yang serius, rekod pembayaran balik pinjaman anda mungkin tidak memuaskan. Institusi kewangan mempunyai pelbagai kriteria untuk menilai kepercayaan kredit bakal peminjam. Ini termasuk karektor peminjam, sikap mereka terhadap tanggungjawab pinjaman dan kemampuan mereka membayar balik pinjaman. Maklumat ini boleh didapati daripada Biro Kredit Bank Negara Malaysia yang menyimpan maklumat kredit peminjam dalam Central Credit Reference Information System (CCRIS).

Tindakan oleh Pemiutang

Jika anda gagal menunaikan tanggungjawab membuat pembayaran balik hutang atau anda merupakan seorang penjamin kepada peminjam yang gagal membuat pembayaran balik hutangnya, perkara-perkara yang berikut akan berlaku:

1. Pemiutang akan mendapatkan perintah mahkamah;

2. Jika hutang itu merupakan pinjaman kenderaan, pemiutang akan mendapatkan perintah mahkamah untuk menarik balik kenderaan anda dan menjual kenderaan tersebut;
3. Jika hutang itu merupakan pinjaman perumahan yang dicagarkan oleh harta tanah itu, institusi kewangan akan menyita harta tatau tersebut dan menjualnya melalui lelongan awam; dan
4. Bagi pinjaman tidak bercagar, institusi kewangan mempunyai pelbagai tindakan untuk mendapatkan kembali hutang mereka. Ini termasuk perintah penyitaan dan jualan, menyaman penghutang dan penjamin dan mendapatkan perintah mufliis jika hutang berjumlah RM30,000 dan ke atas.

Mufliis

Jika anda diisytiharkan mufliis, anda akan disekat oleh undang-undang daripada melakukan perkara-perkara yang berikut:

1. Bekerja di jabatan kerajaan melainkan mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah (KP) Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM);
2. Meneruskan tindakan undang-undang melainkan mendapat kebenaran KP JIM;
3. Ke luar negara melainkan mendapat kebenaran mahkamah atau kelulusan daripada KP JIM;
4. Menjadi pengarah syarikat atau menjalankan perniagaan sendiri atau terlibat dalam pengurusan syarikat melainkan dengan kebenaran mahkamah atau KP JIM; dan
5. Menjadi ahli jawatankuasa mana-mana pertubuhan berdaftar.

Terperangkap dalam kejahatan Ah Long

Ah Long (diambil daripada perkataan Cina "Naga" atau kependekan daripada frasa Kantonis "daai ji lung") ialah istilah bagi ceti haram di Malaysia. Mereka

meminjamkan wang kepada sesiapa yang tidak berupaya memperoleh pinjaman daripada bank atau institusi kewangan yang sah, disasarkan terutamanya kepada kaki judi. Mereka mengenakan kadar faedah yang sangat tinggi (lebih kurang 120% setahun) melalui kaedah himpunan baki berterusan dan sering kali mengugut akan menggunakan keganasan kepada peminjam yang gagal membayar hutang pada masa yang ditetapkan.

Beberapa tahun lalu, sebelum pengguna telefon bimbit di Malaysia diwajibkan mendaftar nombor telefon bimbit mereka, Ah Long mengiklankan perkhidmatan mereka melalui pengedaran kad perniagaan mereka.

Cat merah

Apabila peminjam gagal membayar hutang Ah Long pada masa yang ditetapkan, Ah Long akan menyembur, menyimbah atau menconteng cat merah pada dinding rumah atau bangunan milik peminjam. Ini bertujuan untuk mengugut mangsa serta memalukan peminjam tersebut sehinggalah si peminjam membayar hutangnya. Menurut polis serta pihak berkuasa tempatan, terdapat beberapa kes si peminjam dibelasah ataupun harta benda mereka dimusnahkan, malah ada mangsa yang membunuh diri.

Kecurian barang

Pada masa sekarang, Ah Long tidak lagi menunggu mangsa yang masih belum membayar hutang mereka tetapi mereka memecah masuk rumah mangsa dan mencuri beberapa barang sehinggalah nilainya sama dengan nilai pinjaman. Cara ini digunakan bagi menjimatkan masa dan tenaga.

Kajian Kes Punca Pinjaman Ah Long

- Peniaga yang terdesak untuk mencari sumber kewangan bagi menampung urusan perniagaan mereka tetapi gagal mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan berlesen.
- Peniaga yang menanti bayaran yang tertangguh daripada pelanggan mereka untuk tempoh masa yang panjang, sedangkan pembekal bahan telah menuntut pembayaran.
- Golongan yang terdesak untuk menyelesaikan sesuatu pembayaran dalam tempoh yang singkat dan gagal mendapatkan bantuan kewangan daripada sumber-sumber lain, contohnya untuk membayar yuran peperiksaan anak dan bayaran bil hospital.
- Golongan yang kelabu mata apabila ditawarkan wang secara mudah oleh kumpulan Ah Long dengan pelbagai niat tersembunyi, contohnya pengusaha stesen-stesen minyak berjenama tertentu.
- Golongan yang termasuk dalam kategori ketagih tegar seperti ketagih judi, ketagih arak, ketagih dadah, ketagih GRO dan lain-lain.
- Golongan terakhir ialah golongan yang dengan mudah ingin mendapatkan wang tetapi kemudian cuba melarikan diri daripada tanggungjawab membayar balik pinjaman.

Antara Langkah Pambanteras dan Pencegahan Yang Dijalankan Oleh Kerajaan

Bagi mengatasi masalah Ah Long, agensi kerajaan dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah seperti yang berikut:

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mengeluarkan lesen untuk pemberi pinjaman yang sah akan membekukan pengeluaran lesen baru buat sementara waktu sehingga

pihak polis dan KPKT selesai mengemaskinikan data mengenai 3,100 pemberi pinjaman yang berlesen;

- KPKT bersama pihak polis dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KPDN) akan mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap pemberi pinjaman tidak berlesen iaitu Ah Long dan peminjam yang berlesen tetapi melanggar syarat-syarat di bawah Akta Peminjam Wang 1951 dan juga mereka yang melakukan jenayah di bawah Kanun Keseksaan;
- Mengadakan kempen pencegahan dan kesedaran supaya orang ramai tidak meminjam daripada Ah Long;
- Pihak media tidak menerima iklan daripada pemberi pinjaman berlesen kecuali mereka memperoleh kebenaran pengiklanan daripada KPKT; dan
- Bank-bank tempatan diminta memperkenalkan lebih banyak pinjaman mikro kredit dengan syarat pinjaman yang mudah dan kadar faedah yang rendah.

Berita 1

Ah Long Semakin Ganas

Kuala Lumpur, 15 Februari 2007 (Bernama) -- Kumpulan ceti haram mahupun berlesen, Ah Long semakin mengganas dengan kes peras ugut mencecah 450 kes tahun lalu sehingga ada mangsa yang diugut bertindak membunuh diri serta terpaksa dirawat di hospital mental.

Tindakan nekad sepasang suami isteri membunuh tiga anak lelaki mereka semalam, selepas tidak tahan menanggung beban hutang dan ancaman ceti haram adalah antara kes yang semakin membimbangkan sekarang ini.

Kesemua mangsa terjerat gara-gara gagal membayar balik pinjaman akibat kadar faedah tidak munasabah antara 10 dan 20 peratus. Rata-rata mangsa yang gagal membayar balik ialah akibat berjudi.

Antara yang menghadapi tekanan perasaan yang hebat ialah mereka yang berhutang melebihi ratusan ribu ringgit.

Ini bukanlah fenomena baru di Malaysia, sudah lama, namun masalah itu belum dapat diselesaikan.

Tawaran demi tawaran daripada Ah Long- Ah Long haram ini semakin banyak. Katanya, kes peras ugut oleh Ah Long meningkat sekali ganda berbanding 280 kes yang dilaporkan kepada Biro itu tahun lalu.

Sebilangan mangsa, katanya sanggup mengambil tindakan nekad seperti membunuh diri termasuk mengorbankan ahli keluarga terdekat.

“Ada juga mangsa yang dihantar ke hospital mental kerana tidak tahan diugut kumpulan Ah Long ini yang sering mengekori mereka.

Chong mengulas tindakan nekad kejadian sepasang suami isteri membunuh tiga anak lelaki mereka dan cuba membunuh diri mereka sendiri selepas tidak tahan menanggung beban hutang dan ancaman ceti haram.

Beliau bagaimanapun tidak menyalahkan kumpulan tersebut kerana pinjaman dibuat berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak.

Ditanya ke mana biasanya mangsa membelanjakan duit yang dipinjam, Chong memberitahu, kebanyakan mangsa terlibat dengan pertaruhan judi haram terutamanya bola sepak.

Mengenai peningkatan orang Melayu meminjam daripada kumpulan ‘lintah darat’ ini, katanya, pada tahun ini sebanyak 20 kes membabitkan orang Melayu diterima Biro Aduan MCA dan kebanyakannya terbabit dengan kegiatan perjudian.

Berita 2

Pinjaman Mudah Perlu

KOTA KINABALU, 22 Mei 2007 (Bernama) -- Langkah memerangi peminjam wang haram atau Ah Long bukan penyelesaian terbaik bagi membendung kegiatan ganas ceti haram di negara ini, kata penasihat Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Prof Datuk Dr Hamdan Adnan.

Beliau berkata langkah itu tidak mungkin berkesan selagi alternatif bagi mendapatkan pinjaman cara sah, mudah dan selamat tidak disediakan.

"Memerangi Ah Long memang perlu dilakukan. Namun pada masa yang sama kerajaan juga perlu menyediakan alternatif kepada peminjam untuk mendapatkan pinjaman secara sah dan mudah.

"Kerajaan harus berunding dengan institusi kewangan di negara ini bagi memperhebat penyediaan pinjaman melalui sistem kredit mikro," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Dr Hamdan berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Datuk Fu Ah Kiow Ahad lalu yang menggesa anggota masyarakat dan syarikat berkaitan supaya bersatu memerangi Ah Long.

Dr Hamdan berkata orang ramai hari ini bukannya tidak sedar risiko yang bakal mereka terima akibat meminjam wang daripada Ah Long, namun terpaksa berbuat demikian kerana desakan kewangan.

"Masyarakat tahu Ah Long sanggup mengugut, mencederakan, mengambil gambar bogel malah membunuh mereka jika gagal menyelesaikan pinjaman namun masih ramai yang pergi kepada Ah Long.

"Kita perlu tahu, Ah Long tidak memaksa orang ramai meminjam daripada mereka tetapi orang ramailah yang pergi mencari mereka dan akhirnya menjadi mangsa," katanya.

Beliau berkata dengan mempergiatkan sistem kredit mikro kepada orang ramai, khususnya kepada golongan peniaga, kerajaan dan institusi kewangan boleh memperoleh pendapatan.

Sebaliknya Ah Long bukan sahaja tidak memberi apa-apa pendapatan kepada kerajaan, malah menimbulkan banyak masalah pula dalam masyarakat, katanya.

Berita 3

Pinjam Ah Long didakwa - Dorong pemberi pinjaman melakukan kekerasan, bunuh

Oleh Umavathy Ramayah dan Norshafawati Wahid

KUALA LUMPUR (29 Januari 2007) -- Awas, mereka yang berhasrat untuk meminjam wang daripada ceti haram atau Ah Long selepas ini akan turut dikenakan tindakan undang-undang.

Polis kini menyiapkan kertas cadangan supaya tindakan tegas diambil ke atas peminjam wang.

Alasannya ialah kerana perbuatan meminjam itu secara tidak langsung boleh memaksa Ah Long melakukan jenayah apabila wang yang dipinjam gagal dibayar.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Ramli Yusuf berkata, kertas cadangan akan dibentangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk kajian.

‘Cadangan ini diharap mengelakkan mereka daripada pergi ke Ah Long sebaliknya mendapatkan pinjaman hanya daripada pemberi pinjaman wang yang berlesen,’ katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat kali kedua penubuhan pasukan khas dalam membanteras kegiatan Ah Long di pejabat JSJK di sini hari ini.

Turut hadir pada mesyuarat itu ialah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Christopher Wan Soo Kee dan wakil dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Dalam pada itu, kata Ramli, adalah tidak adil sekiranya hukuman yang sedia ada hanya dikenakan kepada Ah Long.

“Ini kerana individu yang pinjam wang daripada Ah Long sebenarnya menjadi sebab untuk Ah Long melakukan jenayah seperti peras ugut, mencederakan orang dan bunuh, semua gara-gara mereka tidak boleh bayar balik pinjaman yang dibuat,” katanya.

Sehubungan itu, Ramli berkata, beliau telah mengarahkan pegawainya untuk membuka semula kesemua fail yang membabitkan Ah Long sebelum ini termasuk mengkaji semula strategi mereka bagi memudahkan polis menumpaskan kegiatan terbabit.

Ketika diminta mengulas mengenai jenis hukuman yang bakal diambil, Ramli berkata, ia akan ditentukan selepas perbincangan dengan penasihat undang-undang dari KPKT dalam masa terdekat.

Tegasnya, polis juga memberi amaran akan bertindak tegas terhadap individu yang membuat laporan palsu kononnya diugut Ah Long semata-mata untuk mengelak daripada membayar balik pinjaman yang mereka buat.

Ramli memberitahu, siasatan akan dijalankan secara menyeluruh dan tindakan akan dikenakan sekiranya mendapati mereka menipu untuk melepaskan diri daripada masalah tersebut.

“Dalam penyiasatan yang kita jalankan, ia bukan saja tertumpu kepada pemberi pinjaman tetapi juga ke atas mereka yang membuat laporan,” katanya.

Dalam perkembangan yang sama, kata Ramli, pemantauan yang dijalankan oleh pasukan petugas khas polis bagi memantau kegiatan pemberi pinjaman wang berlesen dan mengekang kegiatan Ah Long ternyata memberikan kesan positif.

Menurutnya, ini kerana terdapat penurunan dalam jumlah kes yang diterima polis berhubung kegiatan tersebut sejak akhir-akhir ini.

“Pada bulan Disember lalu, kita terima 60 laporan polis berhubung kes ugutan Ah Long, tak sampai sebulan kemudian selepas kita melakukan pemantauan, jumlahnya menurun kepada 30 laporan saja,” ujarnya.

Sehingga kini, kata beliau, polis telah menjalankan pemantauan terhadap lebih 3,000 pemberi pinjaman wang berlesen di seluruh negara.

Pasukan khas yang ditubuhkan itu, menurut Ramli, diwakili oleh tiga bahagian iaitu KPKT, JSJK dan JSJ untuk pemantauan lebih 3,000 peminjam wang berlesen yang didaftarkan di seluruh negara.

“Saya bagi contoh, di Melaka saja, siasatan mendapati 61 pemegang lesen dari Melaka telah menyalah guna lesen yang diberikan kepada mereka dan mereka ini dipercayai memberi lesen tersebut kepada orang ketiga,” katanya.

Beliau juga menyatakan sokongannya terhadap tindakan kerajaan membekukan pengeluaran lesen pemberi pinjaman wang untuk sementara waktu bagi membendung kegiatan ceti haram atau Ah Long yang kini semakin berleluasa.

Berita 4

Agensi Pinjaman Wang Berlesen Lagak Ah Long

KUALA LUMPUR 11 Mei 2007 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menyiasat dan menjejaki agensi-agensi pinjaman wang berlesen yang disyaki menjalankan operasi perniagaan mereka seperti Ah Long.

Ia berikutan beberapa pendedahan media berhubung laporan Biro Pengaduan Awam MCA mengenai kekasaran dan peras ugut yang dilakukan oleh Ah Long terhadap mangsa mereka sebelum ini.

Difahamkan, siasatan dilakukan secara berperingkat-peringkat kerana terdapat lebih kurang 3,200 agensi peminjam wang yang berlesen serta berdaftar dengan kementerian tersebut ketika ini.

Pengerusi Biro Pengaduan Awam MCA, Datuk Micheal Chong yang mendedahkan perkara itu berkata, beliau dimaklumkan mengenai siasatan berkenaan melalui sepucuk surat yang diterimanya pada 5 Mei lalu.

"Surat bertarikh 24 April itu ditandatangani oleh wakil Ketua Setiausaha Bahagian Peminjam Wang dan Pajak Gadai kementerian tersebut.

"Surat itu antara lain meminta Biro Pengaduan Awam MCA menyerahkan laporan yang dibuat oleh mangsa Ah Long untuk siasatan dan tindakan mereka," katanya pada sidang akhbar di Wisma MCA di sini hari ini.

Micheal berkata, menerusi surat tersebut juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu mereka mengambil berat laporan yang disiarkan media mengenai kekasaran Ah Long.

Menurutnya, kementerian khawatir sekiranya ada antara kekasaran dan peras ugut itu dilakukan oleh agensi peminjam wang yang berlesen serta berdaftar di bawah kementerian tersebut.

Justeru, katanya, Biro Pengaduan Awam MCA akan memberi kerjasama penuh dan buat permulaan sebanyak 20 kes melibatkan Ah Long bakal diserahkan dalam masa terdekat.

Jelasnya, 207 lagi kes Ah Long yang diterima bermula Januari hingga hari ini akan dihantar secara peringkat kerana Biro Pengaduan Awam MCA perlu meneliti laporan itu terlebih dahulu.

Tambahnya, pihak berkuasa dipercayai akan menggantung malah membatalkan lesen agensi peminjam wang terbabit sekiranya mereka didapati melakukan perkara negatif terhadap peminjam mahupun ahli keluarga mereka.

Berita 5

Ah Longs harass canteen operator over debt

(In Malay Mail dated 20 June, 2007).

HIS signature dish, nasi telur kicap, was very popular at a school in Jalan Klang Lama that even outsiders came looking for him.

Unfortunately for canteen operator Izhar Mohamad, the outsiders were Ah Longs, who stormed the canteen demanding for money on June 13.

Izhar, who has been trading at the school with wife, Rokiah Yahya, 45, for two years, was facing financial difficulties, when he decided to take a loan in July last year.

He applied for a loan from several financial institutions but was rejected.

In desperation, Izhar borrowed a total of RM7,000 from nine Ah Longs.

But the loan has now escalated to RM15,890, inclusive of the accumulated 10 per cent daily interest.

During the June 13 incident, two Ah Longs demanded RM500, the sum he last borrowed.

Izhar said the Ah Longs went to see him at the school canteen at 12.30pm.

“They were harsh and loud. They wanted me to pay the RM500, but I did not have enough money and I pleaded for a few more days to settle the debt.”

“But they did not care, they took away a computer and RM60,” he said at MCA Public Services and Complaint Department yesterday.

Izhar said he was more concerned about the safety of the school children, as well as his family, who live at the back of the school canteen.

“I am not sure if any of the school’s pupils witnessed the incident. I do not want them to feel terrified and unsafe in school.

“I do not want the safety of teachers and the parents of the pupils to be in jeopardy,” he said.

Izhar said the total borrowings was RM7,000, from nine Ah Longs.

Izhar added that there had been previous visits by other Ah Longs to the canteen in the past, but none had acted harshly.

Last Friday after the incident, Izhar decided to quit the business and had told the school’s parent- teacher association chairman K.L Wong.

“I do not want to leave the school. My wife and I have forged a close bond with the pupils in school and I know most of them by their name.

“But I have no choice as I don’t want them (the pupils and teachers) to be in trouble because of me,” he said.

Wong felt that closing down the canteen business was not the solution and suggested that Izhar seek assistance from Datuk Michael Chong.

Wong, who was also present yesterday, said as much as the association sympathised and wanted to help Izhar, they could not help him settle the debt.

“He came to see me requesting for monetary help but it is not right for us to help him pay the RM15,890. That was when I asked him to see Chong,” said Wong.

Wong added that following the incident, security at the school has been tightened.

He said that he had witnessed Ah Longs entering the school compound when he dropped his children off for co-curricular activities.

“I thought the men had dealings related to the canteen. I was shocked when Izhar told me that the men were Ah Longs,” he added.

Wong added that to help Izhar ease the burden, the association had passed the hat around and managed to raise RM200.

“We did it on goodwill. The students have grown very fond of Izhar and his wife and both have served the school well.”

Chong warned Ah Longs not to go overboard in collecting their money.

He also questioned why the Ah Longs went to the extent of taking Izhar's belongings of all places, in a primary school.

“We'll let the police investigate since Izhar and Wong had already lodged reports at the Brickfields police station on Monday,” he said.

Saluran penyelesaian masalah:

- Aduan pengambilan deposit secara haram & FOREX
Tel: 03-26915090, 03-26910824, 03-26926482
Faks: 03-26987467
E-mel: upk@bnm.gov.my
- TELELINK
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-21741515
E-mel: telelink@bnm.gov.my
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tel: 1-300-88-2525, 03-26988575

Faks: 03-26981575

Laman web: www.akpk.org.my

- Biro Pengantaraan Kewangan (FMB)

Tel: 03-22722811

Faks: 03-22745752

Laman web: www.fmb.org.my

- Suruhanjaya Sekuriti

Tel: 03-62048777

Faks: 03-62015078

E-mel: cau@seccom.com.my